



Kenyataan Media

CYBERJAYA
15 Januari 2023

VIDEO LELAKI LAUNGKAN AZAN DALAM RITUAL AGAMA BUKAN DI MALAYSIA: MCMC GESA ORANG RAMAI ELAK SEBAR KANDUNGAN SENTUH SENSITIVITI AGAMA

Susulan sebuah video berdurasi 2:27 memaparkan seorang lelaki sedang melaungkan azan yang tular di media sosial ketika ini, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) ingin memaklumkan bahawa video berkenaan bukan berasal dari Malaysia.

Hasil semakan yang dibuat ke atas video berkenaan mendapati bahawa ianya berasal dari luar negara dan ditular semula seolah-olah ianya berlaku di Malaysia.

Pihak MCMC menegaskan, video sedemikian dilihat sebagai satu kandungan yang mengancam yang boleh mengundang ketegangan antara masyarakat pelbagai kaum dan agama di negara ini.

Sehubungan itu, orang ramai diingatkan supaya tidak menyebarkan kandungan berkenaan kerana dikhuatiri boleh menggambarkan konteks tidak tepat serta boleh digunakan oleh individu/pihak tidak bertanggungjawab dalam melakukan provokasi antara agama di Malaysia. Orang ramai juga diminta untuk tidak menokok tambah kapsyen yang bersifat spekulatif dan provokatif, dan diminta untuk menyalurkan atau melaporkannya kepada pihak berkuasa untuk perhatian dan tindakan selanjutnya.

Penyebaran kandungan berbaur provokasi dengan niat menyebabkan ketidakharmonian, perpecahan, kebencian, prejedis terhadap mana-mana kaum atau agama boleh menjadi kesalahan di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574], yang boleh dikenakan hukuman denda atau penjara, atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Orang ramai juga diingatkan untuk sentiasa cakna, berhati-hati dan elakkan daripada memuat naik sebarang kandungan yang boleh menyentuh sensitiviti agama demi keharmonian dalam negara.

JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my



Suruhanjaya Komunikasi
Dan Multimedia Malaysia



MCMC_RASMI



SKMM_MCMC



MCMCTV